

# **QURAN**

## **MELONJAK TRANSFORMASI UMMAH**

### **SURGING THE UMMAH TRANSFORMATION**



**Penyunting**

Adnan Mohamed Yusoff . Mohd Fauzi Mohd Amin  
Abdul Qadir Umar Usman al-Hamidy . Kauthar Abd Kadir  
Abdul Rahman Obeid Hussein . Kabiru Goje . M Zohdi M Amin  
Noor Azma Mohamad Khassim . Zamrie Ibrahim @ Musa

**Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia**

# SWAT 2013

Selasa, 10 Disember 2013

Bahasa Melayu


Laman Utama

About USIM

About FPQS

About Malaysia & KL

Contacts



## **Sebuah Terbitan**

Cetakan Pertama 2013

©Hakcipta terpelihara.Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan elektronik atau cara-cara tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah.

ISBN: 978-967-5996-38-2

Dicetak oleh: Darul Syakir Enterprise

**Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah**  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan  
Tel: 06-798 6705 / 6706  
Fax: 06-798 6709  
Email: [info.fpqs@usim.edu.my](mailto:info.fpqs@usim.edu.my)

## **IKHTILAT DAN TABARRUJ: KAJIAN TERHADAP PRINSIP DAN DISIPLIN SURAH AL-NUR DAN AL-AHZAB**

1. Mengalihbahasakan kecantikan wajah dan mengamuk-bahagian yang merangsang lelaki

**Sofiah Samsudin**

**Maziah Mahmud**

International Islamic University Malaysia

### **ABSTRAK**

*Iklhilat berasal dari bahasa Arab khalata yang bermaksud bercampur. Di sini ia memberi erti percampuran antara lelaki yang bukan mahram dengan perempuan yang bukan mahram. Tabarruj pula berasal dari tabaraja yang bermaksud nampak dan jelas. Di sini ia bermaksud wanita dan lelaki yang sengaja menampakkan perhiasannya dan kecantikannya yang haram dinampakkan kepada mereka yang bukan mahramnya. Kajian ini memfokuskan kepada prinsip dan disiplin yang terkandung dalam Surah al-Nur dan al-Ahzab dalam merungkai permasalahan ikhtilat dan tabarruj yang semakin berleluasa dewasa ini. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan. Kajian mendapati sekiranya prinsip dan disiplin ikhtilat dan tabarruj ini diketahui dan dipraktikkan, maka terbelahlah maruah seorang individu lalu melayakkannya untuk dicontohi dan dirujuk.*

Kata Kunci: *ikhtilat, tabarruj, prinsip, disiplin, al-Nur, al-Ahzab.*

### **Pengenalan**

*Ikhtilat* dan *tabarruj* yang dilarang adalah dua perkara haram yang merupakan antara penyebab utama remaja terjerumus ke dalam kancah maksiat. Percampuran antara lelaki dan perempuan akan mendedahkan mereka kepada antara satu sama lain dan berlakuhlah lihat-melihat, bercakap antara mereka, duduk berdekatan yang membawa kepada bersentuhan antara satu sama lain, saling cuba menonjolkan diri agar disedari rakan sekeliling yang akan membawa kepada *tabarruj* ketika berpakaian dan berhias.

Pengetahuan dan didikan agama, khususnya yang berkaitan dengan hukum-hakam yang menggariskan prinsip kehidupan individu, mampu menjadi perisai untuk menghalang mereka daripada terjebak dengan maksiat yang merosakkan minda dan akhlak mereka. Mereka mestilah didisiplinkan dengan akhlak al-Quran.

Oleh itu, prinsip dan disiplin yang terkandung di dalam Surah al-Nur dan al-Ahzab ini wajib diikuti oleh setiap Muslim lelaki dan wanita bagi menjamin kesucian maruah mereka, lalu kehidupan mereka suci lagi terhormat, lantas melayakkan mereka untuk dicontohi dan dirujuk.

## DEFINISI IKHTILAT DAN TABARRUJ

### Definisi *Ikhtilat*

Menurut Ibn Manzur (1990) perkataan *ikhtilat* berasal dari *khatala* iaitu bercampur sesuatu dengan yang lain maka terhasillah percampuran<sup>1</sup>. Dr. Abd. Karim Zaidan (1994) mendefinisikan *ikhtilat* sebagai perjumpaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat yang sama yang membawa kepada saling bertemu, melihat dan bercakap antara satu sama lain<sup>2</sup>.

### Definisi *Tabarruj*

*Tabarruj* merupakan suatu fenomena yang wujud sejak zaman sebelum perutusan Nabi Muhammad saw. Ibn Manzur mendefinisikannya sebagai perempuan yang mendedahkan perhiasan dan kecantikannya kepada lelaki yang ajnabi<sup>3</sup>.

Larangan bertabarruj pada asalnya ditujukan kepada para isteri Rasulullah SAW<sup>4</sup>. Arahan ini terdapat dalam firman Allah SWT ayat 33 Surah al-Ahzab:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُمْ كَأَخْدِي مِنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقِيقَ فَلَا تَعْضُّنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ الَّذِي فِي قَلْبِهِ  
مَرْضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا وَقَرْنَ فِي بُوْتِكْنَ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى

Maksudnya: Wahai isteri-isteri nabi, kamu semua bukanlah seperti wanita lain sekiranya kamu bertakwa. Oleh itu, janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing), kerana boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah perkataan yang baik. Hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku (bertabarruj) seperti orang-orang jahiliah yang dahulu

Para ulama tafsir menjelaskan perkataan *tabarruj* yang terdapat dalam ayat di atas dengan berbagai-bagai huraian. Ibn Kathir menyebut pendapat tiga orang Tabiin iaitu Mujahid, Qatadah dan Muqatil tentang makna *tabarruj*. Bagi Mujahid beliau mentakrifkan *tabarruj* sebagai wanita yang keluar berjalan di hadapan kaum lelaki. Qatadah pula berpendapat, *tabarruj* adalah wanita yang berjalan dengan melakukan patah-patah lenggang. Manakala Muqatil berpendapat *tabarruj* adalah perempuan yang meletakkan selendang di atas kepala, tidak menyimpulkannya sehingga tidak dapat menutup rantai, anting-anting dan tengkuknya, semuanya terdedah. Bagi Ibn Kathir ayat ini ditujukan khusus kepada isteri Nabi tetapi ia membawa maksud umum kepada wanita keseluruhannya<sup>5</sup>.

<sup>1</sup>Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Jil. 9. Beirut : Dar Sadir. hal.161-162.

<sup>2</sup>Zaidan, Abd.Karim. 1994. *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ahwa al-Bayt al-Muslim*, Jil. 3. Beirut:: Muassasah al-Risalah' hal. 421.

<sup>3</sup>Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*, Jil. 3.Berit : Dar Sadir. hal. 33.

<sup>4</sup>Alias bin Othman &Dr.Anisahbinti Ab. Ghani. 2008. *Islam ItuMudah*. Kuala Lumpur: Ptislamika. ms. 37.

<sup>5</sup>Ibn Kathir. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jil 6. Beirut: Dar al-Dibah li al-Nashr wa al-Tauzi'. P

Abu al-A'la al-Maududi berpendapat, *tabarruj* ada tiga ciri iaitu<sup>1</sup>:

1. Memperlihatkan kecantikan wajah dan bahagian-bahagian yang merangsang lelaki yang bukan suaminya.
2. Memperlihatkan kecantikan, pakaian dan perhiasan kepada bukan mahram.
3. Memperlihatkan diri sambil berjalan melenggang lengkok dan menunjukkan gayanya kepada lelaki yang bukan mahram.

Na'mah Rasyid berpendapat, *tabarruj* adalah menampakkan kecantikan tubuh badan dan kecantikan wajah yang mempesonakan. Bagi Ni'mat Sidiqi, *tabarruj* adalah mendedahkan kecantikan rupa parasnya sama ada kecantikan itu di bahagian muka ataupun anggota badan.

Al-Zuhaili dalam *al-Fiqhal-Islami Wa Adillatuhu* menjelaskan, *tabarruj* adalah wanita yang berjalan dengan lenggang-lengkok yang menggiurkan. Ia juga bermaksud wanita yang memakai pakaian nipis yang memperlihatkan apa yang di sebaliknya.

Dapat disimpulkan, *tabarruj* adalah wanita yang memperagakan kecantikan seluruh badan, pakaian dan perhiasan yang dipakai, berjalan dengan patah lenggang yang mempesona dan menggiurkan di hadapan khalayak dengan tujuan menarik perhatian dan merangsang keinginan syahwat kaum lelaki.

*Tabarruj* yang diharamkan adalah<sup>2</sup>:

1. *Tabarruj* di luar rumah dengan berhias bukan untuk suami.
2. Menampakkan kecantikan tubuh badan dan kecantikan muka dengan tujuan memperagakan dan merangsang keinginan lelaki.
3. Menampakkan kecantikan pakaian dan perhiasan dengan tujuan memperagakan kepada kaum lelaki.
4. Berjalan dengan lenggang yang mempesonakan kaum lelaki.
5. Bersolek dan berhias melampau bukan bagi suami.
6. Menggunakan alat-alat kosmetik bukan bagi suami.
7. Mempercantik rupa paras dengan membentuk alis, bibir, pipi dan sebagainya bukan bagi suami, kecuali dengan tujuan menghilangkan keaiban, seperti bulu kening yang terlalu tebal dan bertemu.

Termasuk dalam istilah *tabarruj* adalah fesyen-fesyen pakaian yang dipakai. Pada dasarnya, pakaian wanita sama dengan lelaki, mesti menutup aurat. Ciri pakaian wanita yang diterima syarak adalah:

hal. 416.

<sup>1</sup>Alias bin Othman & Dr.Anisah binti Ab. Ghani. 2008. *Islam Itu Mudah*. Kuala Lumpur: Pt Islamika. hal. 37.

<sup>2</sup>Ibid. hal. 39.

1. Pakaian itu mesti menutupi seluruh tubuh wanita, kecuali muka dan dua tapak tangan.
2. Pakaian itu mesti longgar dan tidak menunjukkan susuk tubuh.
3. Tidak nipis yang menampakkan kulit.
4. Tidak ada unsur memperagakan.
5. Tidak menyerupai pakaian lelaki.

Pakaian yang tidak memenuhi ciri ini dikira pakaian yang tidak diterima syarak. Namun, berpakaian kemas dan ceria bukan *tabarruj*.

### Latar belakang Surah Al-Nur dan Surah Al-Ahzab

Surah al-Nur adalah surah yang diturunkan di Madinah dan mempunyai 64 ayat. Ia dinamakan “nur” iaitu cahaya bagi menerangi kehidupan bermasyarakat untuk manusia, menerangkan adab dan kelebihannya serta pensyariatan hukum dan adab individu dan masyarakat. Di dalam surah ini juga terdapat perkataan “nur” di dalam firman Allah swt:

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ<sup>1</sup>

Maksudnya: *Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi.*

Surah ini mengandungi hukum-hukum penting yang berkaitan dengan keluarga, seawal pembinaannya sehingga menjaganya daripada keruntuhan dan kemusnahannya. Di dalam surah ini juga menyebut tentang hukum zina, qazaf, dan li'an di samping mengambil berat soal penafian nasab dalam usaha menyucikan masyarakat daripada masalah percampuran nasab dan keturunan. Kisah “ifk” juga diceritakan di dalam surah ini. “Ifk” bermula daripada buruk sangka. Selain itu, surah ini banyak menyebut tentang adab-adab dalam masyarakat dan lain.<sup>2</sup>

Surah al-Ahzab juga diturunkan di Madinah dan mempunyai 73 ayat. Surah ini dinamakan “al-Ahzab” kerana kandungannya yang mempunyai kisah perang Khandaq atau dikenali juga sebagai “Ahzab”. Surah ini juga banyak menerangkan soal adab dalam masyarakat, pensyariatan hukum dan juga sejarah perang Ahzab dan bani Quraidzah.<sup>3</sup>

### Analisis Prinsip dan Disiplin Al-Nur Dan Al-Ahzab Terhadap Ikhtilat Dan Tabarruj

Prinsip dalam Kamus Dewan (2002) antaranya bermaksud asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian dan tindakan. Ia bersinonim dengan asas, dasar, rukun, lunas, sendi, tonggak, teras, tunjang, pegangan, sandaran, landasan dan pokok.

Disiplin pula bermaksud peraturan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik.

Prinsip-prinsip asas terhadap ikhtilat dan tabarruj yang diambil daripada Surah al-Nur dan al-Ahzab ialah:

<sup>1</sup> Al-Quran. Al-Nur 24:35.

<sup>2</sup> Az-Zuhaili, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir*. Jil 17-18. Beirut: Dar al-Fikr. hal. 118-120.

<sup>3</sup> Az-Zuhaili, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir*. Jil 21-22. Beirut: Dar al-Fikr. hal. 225-226.

- 1- Adalah satu kefardhuan bagi setiap Muslim menjaga kemaluan dari zina, liwat, lesbian juga daripada dilihat dan disentuh dan memelihara kehormatan diri dan orang lain daripada mendekati zina. Prinsip ini difahami daripada hukuman jald (sebat) sebanyak 100 kali terhadap penzina wanita dan lelaki yang belum berkahwin dan hukum rejam sehingga mati bagi penzina lelaki dan wanita yang telah berkahwin. Mengikut mafhum mukhalafah maka yang dituntut daripada larangan zina ialah yang sebaliknya iaitu iffah bermaksud menjaga kehormatan diri adalah merupakan suatu yang fardhu. Firman Allah swt:

الرَّازِيَةُ وَالرَّازِيَنَ فَاجْلِدُوَا كُلَّهُ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِئَةً جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذُكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ  
اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيُشَهِّدُ عَدَائُهُمَا طَاغِيَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ<sup>1</sup>

Maksudnya: *Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus dali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.*

- 2- Rumah atau yang seumpama dengannya adalah tempat terbaik bagi wanita. Prinsip ini difahami daripada arahan dalam surah al-Ahzab agar isteri-isteri Rasulullah mendiami rumah dan tidak keluar kecuali perlu. Majoriti ahli tafsir berpendapat ayat ini juga ditujukan kepada semua wanita<sup>2</sup>. Firman Allah swt:

وَقُرْنَ في بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْ اجْحَاهِلَّةُ الْأُولَى وَأَقْمَنَ الصَّلَاةَ وَأَتَيْنَ الرِّكَّاهَ  
وَأَطْعَمْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرُكُمْ  
تَطْهِيرًا<sup>3</sup>

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu dan dirikanlah shalat, tunaikanlah zakat dan ta'atilah Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, hai ahlu bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.*

Menurut Imam al-Qurtubi, ayat ini membawa maksud keberadaan di rumah, arahannya adalah untuk isteri Nabi saw dan ia meliputi perempuan-perempuan yang lain juga.<sup>4</sup> Imam Alusi pula

<sup>1</sup> Al-Quran. Al-Nur 24:2.

<sup>2</sup> Al-Zuhaily, Wahbah, *al-Tafsir al-Munir*, Jil. 9, hal. 22.

<sup>3</sup> Al-Quran. Al-Ahzab 33:33.

<sup>4</sup> Al-Qurtubi, *Tafsir al-Qurtubi*, Jil 14, hal 179.

menyebut tabarruj jahiliyyah ialah wanita yang memakai perhiasan dan mencantikkannya apa yang sepatutnya ditutup.<sup>1</sup> Sayyid Qutb menyatakan maksud jahiliyyah di dalam ayat ini bukanlah terhad kepada masa tertentu, tetapi ianya berkaitan dengan keadaan satu kumpulan dengan cara hidup tertentu. Ia boleh didapati pada mana-mana zaman dan tempat.<sup>2</sup>

- 3- Haram bagi lelaki dan perempuan yang bukan mahram bertemu tanpa sebab yang dibenarkan syarak'. Prinsip ini difahami apabila arahan diturunkan kepada lelaki dan wanita mukmin agar menjaga pandangan daripada melihat antara satu sama lain dengan syahwat atau tanpa sebab yang dibenarkan. Firman Allah swt:

وَقُلْ لِلّٰهِمَّ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظُنَّ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلِنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا  
ظَهَرَ مِنْهَا وَلِيَصْرِفُنَّ بَعْرَمِهِنَّ عَلَىٰ جُنُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلِنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِيُعَوِّلَهُنَّ أَوْ  
آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءَ بُعْرَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَنْتَنَاءَ بُعْرَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ  
أَوْ بَنِي أَخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَمْكَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرُ أُولَئِكُمُ الْأُرْبَةِ مِنْ  
الرِّجَالِ أَوِ الطَّفَلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَصْرِفُنَّ بَارِجَلِهِنَّ لِيُعْلَمَ  
مَا يُخْفِيَنَّ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُؤْتُوا إِلَى اللّٰهِ حِلْيَاً أَيْهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ<sup>3</sup>

Maksudnya: Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung kedadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.

- 4- Haram bagi perempuan mendedahkan perhiasannya kecuali yang zahir (pakaian luar, muka dan tapak tangan) kepada yang bukan mahram mereka. Prinsip ini difahami daripada Surah al-Nur 30-31 dan hadis Nabi SAW. "Persoalan anak Adam berkaitan zina telah ditentukan. Tidak mustahil ia pasti melakukannya. Dua mata berzina dengan

<sup>1</sup> Al-Alusi, Tafsir Ruh al-Ma'ani, Jil 21, hal 8.

<sup>2</sup> Sayyid Qutb, Fi Zilal al-Quran, Jil 14, hal 18.

<sup>3</sup> Al-Quran. Al-Nur 24:31.

melihat, dua telinga berzina dengan mendengar, lidah berzina dengan kata-kata, tangan berzina dengan menyentuh, kaki berzina dengan melangkah, hati berzina dengan angan-angan (keinginan), dan kemaluanlah yang akan membenarkan (merealisasikan) atau mendustakan semua itu<sup>1</sup>.

- 5- Haram masuki rumah orang lain tanpa izin kerana ia juga tempat terpeliharanya aurat. Prinsip ini jelas di dalam firman Allah swt:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْأَلُنَسْوَا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ  
أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ<sup>2</sup>

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagimu, agar kamu (selalu) ingat.*

- 6- Menjaga kehormatan dan kesucian diri jika tidak mampu untuk berkahwin. Firman Allah swt:

وَلَيْسَعِفِ الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحاً حَتَّىٰ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَالَّذِينَ يَتَّقُونَ  
الْكِتَابَ إِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمُ فِيهِمْ خَيْرًا وَآتُوهُمْ مِّنْ مَالِ اللَّهِ  
الَّذِي آتَاهُمْ وَلَا تُكْرِهُوا فَتَيَاتِكُمْ عَلَى الْبَعْدِ إِنْ أَرْدَنَ تَحْصُنَا لَتَبْتَغُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ  
الْدُّنْيَا وَمَنْ يُكْرِهُهُنَّ فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ إِكْرَاهِهِنَّ عَفُورٌ رَّحِيمٌ<sup>3</sup>

Maksudnya: *Dan orang-orang yang tidak mampu kawin hendaklah menjaga kesucian (diri)nya, sehingga Allah memampukan mereka dengan kurnia-Nya. Dan budak-budak yang kamu miliki yang menginginkan perjanjian, hendaklah kamu buat perjanjian dengan mereka, jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka, dan berikanlah kepada mereka sebahagian dari harta Allah yang dikaruniakan-Nya kepadamu. Dan janganlah kamu paksa budak-budak wanitamu untuk melakukan pelacuran, sedang mereka sendiri mengingini kesucian, karena kamu hendak mencari keuntungan duniawi. Dan barang siapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (kepada mereka) sesudah mereka dipaksa itu.*

<sup>1</sup> Hadis Riwayat Muslim, 13/125, no. 4802.

<sup>2</sup> Al-Quran. Al-Nur 24:27.

<sup>3</sup> Al-Quran. Al-Nur 24:33.

Disiplin yang diperlukan untuk memastikan penjagaan prinsip di atas ialah.

- 1- Mendisiplinkan diri dengan menutup aurat dengan sempurna bagi lelaki dan wanita. Bagi lelaki antara pusat dan lutut. Wanita seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan.
- 2- Mendisiplinkan pandangan dari melihat yang haram. Sekiranya lelaki dan wanita perlu bergabung dalam melaksanakan tugas seperti tugas/aktiviti maka mereka mestilah mematuhi panduan yang digariskan Islam. Antaranya ialah<sup>1</sup>:
  - Kedua-dua belah pihak hendaklah menjaga pandangan, jangan melihat pada aurat, jangan memandang dengan penuh nafsu atau memandang dengan pandangan yang lama tanpa ada keperluan.
  - Wanita hendaklah memakai pakaian yang digariskan oleh syarak, iaitu yang menutupi seluruh anggota badannya melainkan muka dan kedua tapak tangan. Pakaian juga hendaklah tidak nipis dan tidak menampakkan tubuh badan.
  - Memelihara adab sebagai seorang wanita Islam terutamanya ketika berurusan dengan lelaki:
    - a. Ketika bercakap: pastikan ia jauh daripada sebarang nada yang menggoda atau memberiahkan.
    - b. Ketika berjalan: berjalanlah dengan penuh sopan dan tertib.
    - c. Ketika melakukan pergerakan: elakkan daripada melakukan gerakan yang manja, seksi, menggoncang-goncangkan badan dan seumpamanya. Perkara ini termasuk dalam kategori mendedahkan aurat sebagaimana yang dilakukan oleh zaman jahiliah dahulu dan jahiliah moden.
- 3- Menjauhkan daripada menggunakan sebarang perkara yang boleh menggoda seseorang serta membangkitkan ghairah nafsu syahwat seperti wangi-wangian dan sebarang “make-up” yang berwarna-warni yang sepatutnya hanya digunakan di rumah sahaja, bukan untuk keluar rumah dan tidak juga ketika untuk bertemu dengan kaum lelaki.
- 4- Jauhkan diri daripada duduk bersunyi-sunyian antara lelaki dan perempuan tanpa ada bersamanya mahram.
- 5- Pertemuan hendaklah pada perkara yang benar-benar perlu sahaja ataupun pada urusan yang memang menuntut kedua-duanya untuk hadir bersama tanpa berlebih-lebih dan melampau. Dan yang paling penting, wanita sebagai isteri dan ibu adalah agen utama dalam pengurusan rumah dan isi rumah. Oleh itu keberadaan wanita di rumah lebih baik daripada tugas di luar. Tugas di luar ini hendaklah berlaku tanpa menjelaskan fitrah kewanitaannya atau menyebabkannya terdedah kepada kata-mengata atau mengganggu tugas yang cukup mulia iaitu menjaga keluarga serta mendidik anak.

<sup>1</sup>Al-Qardawi, Yusuf. 1995. *Fatwa Masa Kini*. Jil.5&6. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd. hal. 487.

Dalam usaha untuk menjana umat yang bertakwa, seluruh prinsip dan disiplin ini harus diterapkan dalam diri setiap Muslim. Jika seorang Muslim hanya mengetahui tentang prinsip dan tidak menterjemahkannya di dalam hidupnya, maka binasalah jati diri seorang Muslim tersebut. Prinsip dan disiplin ini memainkan peranan penting dalam merealisasikan konsep ilmu dan amal yang sangat dituntut oleh Allah swt.

## Saranan dan Kesimpulan

Kertas kerja ini mencadangkan agar modul tentang prinsip dan disiplin dalam Surah al-Nur dan al-Ahzab mestilah diajar sebagai subjek fardu ain untuk semua peringkat umur lelaki dan wanita, bermula daripada peringkat sekolah rendah hingga ke alam pekerjaan. Lelaki dan wanita yang bukan mahram tidak dapat lari daripada bertemu antara satu sama lain apabila keluar untuk melaksanakan sebarang urusan di luar rumah. Di sekolah pula samada di peringkat rendah, menengah atau universiti pelajar lelaki dan wanita ditempatkan bersama di kebanyakan sekolah. Pengajaran di dalam kelas dan aktiviti luar kelas akan melibatkan percampuran antara lelaki dan perempuan. Oleh itu, pengetahuan tentang prinsip-prinsip dan disiplin yang melibatkan kedua-duanya adalah suatu kemestian. Kegagalan menyampaikan amanah ilmu ini kepada individu akan mengundang dosa kepada ibubapa atau penjaga, pihak yang bertanggungjawab di sekolah-sekolah, universiti, tempat kerja dan lain-lain. Seterusnya kesejahteraan individu, masyarakat dan negara akan terjejas.

## RUJUKAN

- Alias bin Othman & Dr. Anisah binti Ab. Ghani. 2008. *Islam Itu Mudah*. Kuala Lumpur: Pt Islamika.
- Ibn Kathir. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Dibah li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*, Jil. 3. Beirut : Dar Sadir.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1995. *Fatwa Masa Kini*. Jil.5&6. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Al-Qurtubi. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, edited by Ahmad Barduni Ibrahim Atfish, Jil 14. Kaherah: Dar al-Kutub al-Masriyyah.
- Al-Alusi, Mahmud. 1415H. *Tafsir Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Jil. 21. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhailyy, Wahbah Mustaffa 1418H . *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shariah wa al-Manhaj*, Jil. 9. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Kamus Dewan. 2002.
- Sayyid Qutb, 2009. *Fi Zilal al-Quran*, Jil 14. Beirut: Dar al-Syuruq.